



## 2 • Perutusan

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

## 3 • Laporan

NAIB CANSELOR







# Perutusan

## PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Assalamualaikum dan Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

Bismillahir Rahmanir Rahim

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Sesungguhnya segala pujian itu milik Allah Azza wa Jalla Pemerintah sarwa jagat. Seperangkat selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.), para sahabat dan anggota keluarga Baginda. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pengurusan dan jawatankuasa pelaksana yang terlibat dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan UniMAP Bagi Tahun 2019 ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengerusi sebelum ini serta ahli-ahli lembaga yang telah bersara atas sumbangan mereka kepada organisasi ini. Saya percaya telah banyak yang dilakukan oleh mantan-mantan Pengerusi LPU dan pasukannya dengan kerjasama erat oleh Naib Canselor dan anggota pasukan pengurusan utama UniMAP sebelum ini. Namun, dengan tertakdirnya kehadiran saya pula di universiti ini sebagai Pengerusi LPU, saya amat yakin dan positif terhadap sebarang kemungkinan yang akan kita hadapi pada masa hadapan, dan teruja untuk berganding bahu bersama-sama bagi meneruskan kecemerlangan UniMAP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Dalam abad ke-21 ini, senario pengajian tinggi global berkembang dengan begitu pesat sekali. Arus dan ledakan globalisasi telah menghasilkan daya penggerak yang membentuk halatuju baharu pengajian tinggi dunia. Halatuju ini juga melahirkan beberapa trend baharu antara lainnya globalisasi, mobiliti, kolaborasi, evolusi dalam pembelajaran dan pengajaran serta penggunaan teknologi yang maksima. Dinamika pengajian tinggi dan arus globalisasi ini akan berterusan menjadi cabaran kepada sektor pengajian tinggi hingga menuntut kepada perubahan besar atau transformasi dalam halatuju, kepimpinan dan sistem pengurusan institusi pengajian tinggi supaya menjadi lebih bersifat antarabangsa, tidak jumud dan bercirikan hubungan jaringan yang berasaskan kepada kolaborasi dan komplementari. Tambahan pula, dalam keadaan kewangan terhad, mekanisme yang tepat perlu difikirkan bagi membolehkan apa yang kita hasratkan itu tercapai sekaligus menyerlahkan keterlihatan UniMAP di mata dunia.

Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, saya mengambil kesempatan disini untuk menjunjung kasih kepada DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor UniMAP yang telah memainkan peranan besar dalam menyemarakkan lagi program budaya ilmu dan keserjanaan di UniMAP. Nasihat dan dorongan yang diberikan adalah amat bermakna buat seluruh warga UniMAP. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada DYTM Pro-Canselor, YB Menteri Pendidikan Malaysia, Naib Canselor, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-ahli Senat Universiti, pegawai-pegawai kanan, staf dan mahasiswa yang telah bersama-sama menyumbang tenaga, idea dan masa bagi memastikan UniMAP sentiasa berada di kemuncak kejayaan di dalam dan Luar Negara.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha gigih yang ditunjukkan oleh semua staf UniMAP demi mencapai misi dan visi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

**Raja Dato' Azwane Raja Ariff**  
Pengerusi Lembaga Pengarah





# Laporan

## NAIB CANSOLOR

Alhamdulillah, tahun 2019 telah berjaya kita sama-sama harungi walaupun terdapat beberapa perubahan besar dalam struktur kepimpinan UniMAP. Pada 15 Mei 2019, saya telah diberi mandat dan amanah untuk menerajui UniMAP, mengambil alih tampuk pimpinan universiti ini daripada Dato' Prof Ts Dr Zul Azhar Zahid Jamal. Saya mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Dato' Prof Ts Dr Zul Azhar Zahid Jamal kerana telah memimpin warga UniMAP sejak 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2019, yang membawa kepada beberapa kejayaan besar yang kita nikmati pada tahun ini. Kita juga menerima Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti yang baharu iaitu Yang Mulia Raja Dato' Azwane bin Raja Ariff yang mengambil alih tanggungjawab tersebut daripada Datuk Profesor Emeritus Dr. Kamarudin Hussin. Justeru, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Mulia Raja Dato' Azwane bin Raja Ariff, dan terima kasih kepada Datuk Profesor Emeritus Dr. Kamarudin Hussin atas sumbangan beliau sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP. Tahniah juga saya ucapkan kepada ahli Lembaga Pengerusi UniMAP baharu iaitu YM. Raja Dato' Azwane Raja Ariff, YBhg. Datin Paduka Roslinah Md. Jani, Prof Dr.-Ing. Nik Abdullah Nik Mohamed, En. Md Farishzan Ismail dan terima kasih saya kepada YBhg. Datuk Profesor Emeritus Dr. Kamarudin Hussin, YBhg. Dato' Dr. Ir. Annuar Mohd Saffar, Dr. Fary Akmal Osman, Tuan Abdul Rasid bin Sudin, Pn. Norhazimah Binti Che Hassan atas sumbangan mereka yang tidak ternilai kepada pembangunan universiti ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Ir. Ts. Dr. Hj. Rezuwan Hj. Kamaruddin yang telah tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) pada 30 November 2019 dan tahniah serta selamat datang kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP yang baharu, berkuatkuasa 1 Disember 2019, iaitu Prof. Ir. Dr. Mohd Rizal Arshad.

Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua Ketua Jabatan dan warga UniMAP yang telah sama-sama menunaikan amanah yang dimandatkan oleh kerajaan kepada kita, dalam usaha memastikan bahawa UniMAP terus cemerlang dan memenuhi objektifnya sebagai universiti teknikal awam yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Istiadat konvokesyen UniMAP Ke-14 pada 16 hingga 19 November tahun ini telah menyaksikan seramai 3,647 orang siswazah bagi semua peringkat pengajian menerima ijazah masing-masing dalam majlis gilang-gemilang. Daripada jumlah tersebut, 114 orang adalah siswazah PhD, 149 orang siswazah Sarjana, 2,972 orang siswazah Sarjana Muda dan 412 orang siswazah Diploma.

Dalam usaha memenuhi keperluan bakat dan tenaga kerja negara dan global, dua (2) program baharu telah ditawarkan di UniMAP. Program tersebut adalah selari dengan penekanan yang diberikan oleh kerajaan kepada TVET ke arah menghasilkan sumber manusia berkemahiran tinggi. Program-program tersebut ialah program Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian dan program Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian. Empat (4) lagi program baharu yang telah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun ini akan ditawarkan pada Sidang Akademik 2020/2021.

Pengiktirafan badan-badan akreditasi profesional bagi program-program akademik yang ditawarkan amat penting bagi UniMAP. Hal ini memastikan bahawa siswazah yang dihasilkan memenuhi standard yang ditetapkan, justeru memberi mereka peluang yang amat tinggi untuk mendapat pekerjaan yang baik. Pada tahun ini, 12 Program Kejuruteraan di UniMAP telah mendapat akreditasi baharu di mana sembilan (9) daripadanya untuk tempoh enam (6) tahun sementara tiga (3) lagi untuk tempoh 3 tahun. Dua (2) program lagi mendapat sambungan akreditasi bagi tempoh 3 tahun.

Tahun 2019 menyaksikan bilangan enrolmen pelajar UniMAP seramai 12,183 orang pelajar di mana 1289 orang pelajar adalah daripada program Diploma, 9389 orang pelajar daripada program Sarjana Muda dan 1505 pelajar daripada program pascasiswazah. Jumlah kemasukan pelajar sebanyak 3,382 orang pada tahun ini ialah bagi pelbagai bidang pengajian yang ditawarkan, yang terdiri daripada 534 orang pelajar program Diploma, 2585 orang pelajar program Sarjana Muda, 187 orang program Sarjana dan seramai 76 orang pelajar program Doktor Falsafah (PhD).

UniMAP sedar bahawa antara amanah besar negara kepadanya ialah dalam pembangunan insan yang holistik. Dalam aspek ini, selain memastikan kurikulum yang ditawarkan adalah relevan kepada pihak industri, UniMAP sentiasa membuka peluang kepada mahasiswanya untuk bergerak aktif dalam kegiatan ko-kurikulum. Hasil daripada usaha tersebut, mahasiswa UniMAP telah berjaya memperoleh pengiktirafan dari dalam dan luar negara, antaranya Anugerah Pemimpin Program Sains, Teknologi Dan Inovasi bagi Anugerah Tokoh Siswa Universiti Awam 2018, Anugerah *The Best Project (Subcourse B)* untuk Program Commtech Camp Highlight 2019, Surabaya, Indonesia; Tempat ke-4 Keseluruhan bagi Anugerah Persembahan Bakat di *Asia Summer Program (ASP)*, Anugerah Kesukarelawanan Suksis Terbaik dan penyertaan dalam Yayasan Sukarelawan Siswa (Yss), Program Sukarelawan Antarabangsa. UniMAP juga sentiasa membuka peluang bagi mahasiswa untuk mengikuti program mobiliti pelajar. Pada tahun ini, 213 orang pelajar UniMAP telah mengikuti program mobiliti *outbound*, sementara UniMAP telah menerima 89 orang pelajar bagi program mobiliti *inbound*.

Selain kejayaan universiti dalam menghasilkan bakat dan tenaga kerja untuk Malaysia, kecemerlangan UniMAP juga terbukti melalui usaha dan kejayaan dalam penyelidikan dan inovasi. Pada tahun 2019, UniMAP telah berjaya memperoleh geran penyelidikan berjumlah RM15,557,409.00. Sumber dana adalah daripada pelbagai pihak, iaitu RM174,885.00 daripada universiti, RM10,289,307.00 daripada kerajaan, RM4,435,150.00 daripada industri dan sebanyak RM658,067.00 daripada pihak antarabangsa. Pengiktirafan pihak luar terhadap kualiti inovasi UniMAP dilihat melalui kejayaan penyelidik memperoleh sejumlah 52 pingat iaitu 23 pingat emas, 25 pingat perak, 4 gangsa dan 8 Anugerah Khas sepanjang tahun 2019. Kesemua pingat tersebut diperolehi melalui 52 projek penyelidikan yang dipertandingkan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara penyertaan pameran pada peringkat kebangsaan adalah CITREX di Universiti Malaysia Pahang (UMP), ITEX di KLCC, PECIPTA dan RISE di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), UTEMEX di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM), sementara pada peringkat antarabangsa ialah SIF di Korea Selatan. Penyertaan UniMAP ke pameran-pameran penyelidikan dapat membantu mempromosi produk penyelidikan dan inovasi UniMAP yang berpotensi untuk dikomersialkan kepada industri dalam dan luar negara. Ia juga membantu meningkatkan keterlihatan universiti di persada antarabangsa.

Tahun 2019 merupakan tahun yang membanggakan buat Pusat Pengkomersilan Harta Intelek (CIPC) apabila berjaya mendaftar perlindungan harta intelek untuk 32 teknologi penyelidikan UniMAP dengan peruntukan yang sangat minima. Lebih membanggakan lagi, CIPC telah mencatat bilangan pendaftaran perlindungan harta intelek yang paling tinggi sejak lima tahun yang lepas.

Selain penghasilan produk inovasi daripada aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan di UniMAP, penerbitan ialah satu lagi output daripada aktiviti teras tersebut yang boleh dibanggakan. Pada tahun 2019, UniMAP telah menghasilkan sebanyak 12 judul buku bercetak dan 10 judul buku elektronik bagi memenuhi keperluan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta penyebaran ilmu kepada masyarakat umum. Selain itu, Penerbit UniMAP telah berjaya menerbitkan enam (6) jurnal dengan 13 isu terbitan dalam tahun 2019, serta lain-lain terbitan yang menyumbang kepada jumlah keseluruhan 92 bahan terbitan bagi tahun 2019.

Hubungan UniMAP dengan industri sentiasa diberi perhatian khusus oleh pengurusan universiti dan juga Lembaga Pengarah Universiti. Bagi tahun 2019, perkembangan hubungan UniMAP dan industri amat memberansangkan. Sebanyak sepuluh (10) Centre of Technology (CoT) telah ditubuhkan di UniMAP dengan kerjasama sepuluh (10) industri terkemuka Malaysia dan antarabangsa. Selain itu, sebanyak 12 MoU dan 5 MoA telah ditandatangani bersama pihak industri termasuk E-Idaman, Minebea Electronics Motor, Sarawak Convention Bureau, Smart Modular Technologies Sdn Bhd, Supercomal Medical Products Sdn. Bhd, Walta Engineering, Flextronics Technology, Huawei Technologies, Molex (Malaysia) Sdn.Bhd., Pens Industries Sdn. Bhd. Beberapa aktiviti/program bersama industri juga telah diadakan sepanjang tahun 2019 antaranya Majlis Jamuan Raya UniMAP bersama industri ( 55 industri), UniMAP Academia-Industri Sembang Santai bersama LPU (23 industri), Northern Industrial Career Engagement (37 industri) dan 4 lawatan Pengurusan Tertinggi UniMAP ke Industri (Inari, Kismec, Infineon, dan Silterra).

Pada tahun 2019 juga, 3 CEO industri telah ditindikkan kepada UniMAP iaitu Ms Lynn Olson (Vice President Intel), Mr Tan Soon Keong (Engineering Director Infenion) dan Mr Munawir Ab Ghani (Vice President, Silterra) bagi program CEO@Faculty. Bagi pendanaan dari industri, sebanyak 33 geran industri yang berjumlah RM 4,435,150.00 telah diperolehi oleh UniMAP dari Funfiek Technology, Tin Solder Technology, Flextronic, Geran Sepadan MTUN-Industri.

Keperluan menjana pendapatan sendiri universiti melalui usaha berasaskan kepakaran penyelidikan dan konsultasi, serta mendapatkan pendanaan adalah salah satu daripada keutamaan UniMAP. Malahan, kelestarian kewangan ialah salah satu daripada kluster Pelan Strategik UniMAP 2025. Syabas saya ucapkan kepada semua Pusat Tanggungjawab yang sama-sama bertungkus-lumus menjalankan aktiviti untuk menjana kewangan melalui fasilitasi *One Stop Centre (OSC)* termasuk caj kemudahan dan makmal-makmal yang sedia ada di Universiti, yang keseluruhannya berjumlah hampir RM2.9 Juta. Sementara itu, melalui Wakaf dan Endowmen, UniMAP telah berjaya memperoleh sejumlah sekitar RM4.5 juta, termasuk wakaf tunai, wakaf untuk mesin penapis air, dan wakaf untuk



pembangunan Masjid dan Kompleks Pusat Islam; sementara tabung endowmen yang berkenaan ialah Endowmen Penyelidikan KTPC, Tabung Endowmen Trust Fund BSN, dan Tabung Endowmen Keusahawanan Pelajar. UniMAP juga telah menerima hadiah yang berdaftar dengan Universiti bernilai RM2.1 juta, dan dana keusahawanan untuk Program Keusahawanan Pelajar sejumlah RM 579,174.00. Kita juga telah melancarkan Program Keusahawanan *Social Innovation for Poverty Eradication @ MYHE (Aquapreneurs)*, di mana pelajar-pelajar B40 juga terlibat dalam mengendalikan projek *aquaculture* menggunakan teknologi hasil daripada penyelidik UniMAP iaitu ARAS BM600 melalui ternakan ikan *jade perch*. Keuntungan sebanyak RM38,676.00 telah diperolehi setelah hampir 1 tahun projek dilaksanakan.

Dalam usaha memastikan UniMAP mempunyai staf yang berkemampuan tinggi, pelbagai inisiatif dan program berjaya dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD). Kesemua 33 program tersebut merangkumi kursus wajib bagi tujuan pengesahan jawatan staf akademik, kursus pembangunan profesionalisma pensyarah serta program perkongsian ilmu dalam mempertingkatkan kompetensi pensyarah khususnya dalam melaksanakan tugas pembelajaran dan pembelajaran, yang telah melibatkan 1,234 penyertaan. Bagi staf kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan staf kumpulan Pelaksana, pelbagai program dan latihan telah dianjurkan. Sebanyak 22 kursus anjuran Unit Latihan & Kompetensi bagi tahun 2019 dengan seramai 2,849 bilangan penyertaan.

UniMAP sedar akan tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan, selain penekanan terhadap hal ehwal akademik, kesejahteraan pelajar dan usaha penyelidikan dan inovasi. Berteraskan slogan *Kejuruteraan dan Teknologi untuk Kemanusiaan*, dan selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), *University For Society (U4S)*, UniMAP telah mendekati komuniti dan memanfaatkan hasil penyelidikan dan kepakaran pendidikan ke arah pembangunan komuniti yang sejahtera, sekaligus menyumbang kepada kemakmuran negara. Agenda tanggungjawab sosial universiti (USR) UniMAP merangkumi sektor ekonomi, pendidikan, sosial, kesihatan, alam sekitar dan bantuan kemanusiaan yang melibatkan pemindahan ilmu pengetahuan dari universiti kepada pihak komuniti. Sejumlah 131 program telah dilaksanakan, di mana 69 daripadanya ialah program pemindahan ilmu (*knowledge transfer programme*) dan selebihnya ialah program khidmat komuniti. InsyaAllah usaha UniMAP mendekati komuniti akan terus dimantapkan lagi pada tahun 2020.

Secara keseluruhannya, segala usaha dan sumbangan warga UniMAP dalam memastikan universiti ini terus cemerlang dan gemilang dapat digambarkan melalui kejayaan UniMAP berdasarkan piawaian antarabangsa. UniMAP kini berada pada

kedudukan 701-750 keseluruhan dalam QS World University Rankings (WUR) 2019 manakala bagi QS Asia Rankings, UniMAP berada pada kedudukan 211, iaitu kedudukan 38% tertinggi di Asia 2020. Bagi QS WUR untuk kategori Engineering and Technology pula, UniMAP berada pada kedudukan 401-450. UniMAP juga telah mendapat 5 bintang bagi pencapaian keseluruhan dalam sistem penarafan QS Stars.

Buat julung kalinya pula, UniMAP tersenarai dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings 2020, pada tangga 601-800. Kejayaan ini juga menjadikan UniMAP berada pada kedudukan ke-3 di Malaysia. Bagi subjek *Engineering and Technology* untuk THE, UniMAP berada pada kedudukan 801+, manakala bagi subjek *Physical Sciences*, UniMAP berjaya menduduki kedudukan 301-400.

Manakala, dari segi usaha menyumbang kepada kelestarian kampus, UniMAP menunjukkan peningkatan skor dalam *UI Green Metric Index*, di mana skor bagi tahun 2019 ialah 5075, berbanding 2884 pada tahun 2017. UniMAP berada pada tangga 14 berbanding 20 universiti di Malaysia yang menyertai *UI Green Metric Index*, dan pada kedudukan 377 daripada 780 universiti dunia yang menyertai sistem pengukuran ini.

Perincian pencapaian UniMAP bagi tahun 2019 dapat dirujuk dalam Laporan ini. Sebagai kesimpulan, dalam suasana ketidakpastian global yang memberi kesan kepada persekitaran dinamik pengajian tinggi negara, ditambah pula dengan impak daripada teknologi disruptif amnya, saya berpendapat prestasi UniMAP pada tahun 2019 adalah membanggakan. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada warga UniMAP yang kesemuanya telah memainkan peranan penting masing-masing dalam memastikan UniMAP terus maju memikul amanah rakyat demi kesejahteraan negara.

**Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad**  
Naib Canselor

